

08/11/1999

Rakyat gembira, parti lawan resah

Penyokong Kemerdekaan

SUDAH lebih seminggu Belanjawan Negara 2000 dibentangkan. Rata-rata rakyat gembira. Hanya Harakah yang tidak semena-mena menuduh Belanjawan Kerajaan meniru Belanjawan Barisan Alternatif. Sebenarnya, saya difahamkan perbincangan merangka Belanjawan bermula sejak Mei lagi.

Rakyat yang banyak berkorban sepanjang dua tahun lalu kini mula menikmati kesan pemulihan ekonomi. Saya yakin kerajaan mahu mengucapkan rasa terima kasih kepada rakyat yang terpaksa berkorban selama ini. Salahkah kerajaan berbakti?

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang resah bila rakyat gembira. Pembangkang tahu melalui gandingan Kerajaan-Rakyat yang disebut dalam Belanjawan, politik penuh emosi pembangkang tidak mendapat tempat.

Lim merungut Belanjawan 2000 adalah percubaan memancing undi. Dia sedikit sebanyak buta sejarah. Pada 1990, Dewan Rakyat dibubarkan sebelum Belanjawan dapat dibentangkan.

Pembangkang gagah ketika itu menerusi gabungan Parti Semangat Melayu 46 (S46) dan Parti Bersatu Sabah (PBS), bersama yang lain. Akhirnya kemenangan memihak kepada Barisan Nasional (BN).

Selain dari aspek ekonomi, Belanjawan kali ini mengupas keadaan politik tanah air. Sewaktu ucapan Belanjawan, Lim meradang bila Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin menyebut betapa pembangkang hanya sekadar mengulangi kritikan pihak luar negara dalam ucapan beliau. Untuk belashah kerajaan pun, pembangkang terpaksa menunggu petunjuk dari luar. Ketandusan idea pihak pembangkang sangat ketara.

Kali terakhir Lim melaungkan kritikan dari luar ialah bila beliau menyebut dengan panjang lebar tulisan David Roche dalam majalah Time.

Roche ialah seorang penganalisis berpusat di London yang amat tidak menyenangi Malaysia. Sikap buruk beliau terhadap Malaysia datang selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkirkan. Kini beliau terang-terang menyatakan Anwar patut memimpin Malaysia.

Beliau mengkritik hebat apa saja langkah pemulihan ekonomi yang dilakukan oleh Malaysia. Kenapa beliau mengamuk?

Apa maksud ungkapan itu dalam konteks politik Malaysia sekarang?. Pelbagai tafsiran boleh dibuat. Roche misalnya pernah menulis buat beberapa ketika dalam majalah mingguan Edge yang dikuasai oleh ahli perniagaan Tong Kooi Ong. Ketika itu Roche tidak mengkritik Malaysia. Anwar pun masih berkuasa.

Tong pula dikaitkan oleh bekas Naib Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Murad Khalid dalam skandal Anwar yang mengumpul dana RM3 bilion.

Apakah peranan penganalisis yang selalu berang seperti Roche dalam grand design ini. Kita sudah tahu Anwar diberi liputan meluas oleh media asing sejak dulu lagi melalui usaha melobi yang dilakukan oleh orang-orang Anwar.

Antara mereka ialah Douglas Paal dari Asia Pacific Policy (APPC) dikatakan menerima sumbangan RM38 juta dari Anwar. Paal ialah bekas pegawai Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat.

Di sebalik namanya, APPC hanya mengadakan persidangan di Malaysia. Dialog Pasifik yang dipengerusikan oleh Anwar sudah tiada lagi. Laman Web APPC juga sudah terbiar. Adakah kerana pembiayaan sudah tiada? Apakah APPC sendiri masih beroperasi?

Antara tokoh politik Barat yang kerap menghadiri Dialog Pasifik ialah William Cohen, sahabat baik Anwar. Cohen ialah Setiausaha Pertahanan

Amerika Syarikat. Apakah bidang tugas Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat?

Kerajaan menghargai gandingannya dengan rakyat untuk mengejar cita-cita negara dan cita-cita setiap individu. Belanjawan kali ini sebenarnya banyak membawa iktibar. Sama-samalah kita mengkajinya terutamanya sewaktu ada orang yang gemar berganding dengan pihak asing.

Dari dulu lagi majalah-majalah luar negara mendapat tempat di hati Anwar dan begitulah sebaliknya. Wakil dan penulis mereka amat up-to-date dengan perkembangan semasa.

John Colmey menulis untuk majalah Time keluaran 24 Ogos 1998, misalnya berkata Anwar ada menghantar mesej kepada Perdana Menteri mengatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lagi mendapat sokongan dari Umno.

Penulis Barat ini sudah tentu tidak berani mereka-reka cerita kalau orang yang amat tahu episod berkenaan tidak memberitahu beliau sendiri. Kalau kita singkap keratan majalah lalu, kita juga akan lihat bagaimana penyokong Anwar berusaha menyamakan Dr Mahathir dengan Presiden Suharto sebaik saja Suharto tumbang Mei 1998.

Majalah Newsweek pula pernah menyarankan Dr Mahathir berundur dan tempatnya diambil oleh Anwar. Apa hubungan sebenar Anwar dengan Cohen dan Paal?. Kenapa media asing terburu-buru hendak menabalkan Anwar sebagai Perdana Menteri?.

Sebenarnya kita perlu berterima kasih kepada Murad. Penulis dalam Harakah dan laman Web dibiayai pembangkang amat bimbang dengan perkembangan ini. Ada penulis yang membayangkan yang Anwar patut dituduh di mahkamah mengenai skandal kewangan dan bukan sodomi.

Kenyataan Murad kini memberi banyak jawapan pada punca krisis politik tanah air. Sama-samalah kita mengkajinya dengan penuh kesedaran.